

25/04/1998

3,000 dijangka banjiri PWTC 5 Mei

Rosmin Darus

KIRA-kira 3,000 orang dijangka membanjiri Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) untuk memeriahkan majlis pelancaran skim Amanah Saham Wanita (Asnita), 5 Mei depan.

Majlis pelancaran itu akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha Kerja Pergerakan Wanita Umno, Zuraidah Musib, berkata setakat ini pihaknya sudah mengenal pasti hampir 70 pertubuhan buan kerajaan (NGO) yang bersetuju memberi sokongan kepada usaha murni Wanita Barisan Nasional bagi membantu negara.

Katanya, antara NGO itu ialah Puspanita, Tiaranita dan Soroptomist International.

"Kami merancang suatu acara yang menarik pada hari itu. Tidak boleh beritahu sekarang tetapi yang pastinya ia akan mengusik perasaan semua wanita. Mesejnya juga bagi memaklumkan kepada wanita bahawa kita dihargai," katanya.

Asnita digerakkan oleh Wanita Umno dengan kerjasama Wanita Barisan Nasional ke arah menggembelngkan wanita seluruh negara menjayakan hasrat membantu kerajaan memulihkan ekonomi.

Skim ini akan diurus oleh Metrowangsa Assets Management dan Hijrah Managers Berhad. Permodalan Nasional Berhad (PNB) bertindak sebagai Panel Penasihat Pelaburan. Turut terbabit ialah Bank Simpanan Nasional (BSN).

Selepas pelancaran peringkat kebangsaan, pelancaran Asnita di peringkat negeri pula diadakan kemungkinan bermula di Pulau Pinang, Selangor dan diikuti Kedah serta negeri-negeri lain.

Zuraidah berkata pihaknya juga dalam proses menghantar kad undangan kepada semua yang terbabit.

"Asnita juga mendapat perhatian daripada beberapa media asing yang menghubungi kami untuk bertanyakan perkembangan," katanya.

Beliau juga berkata pihaknya juga sudah mula menerima pertanyaan daripada orang ramai yang berminat untuk melabur dalam Asnita.

Katanya, prospektus Asnita sudah siap bagaimanapun tidak boleh diedarkan lagi kerana masih terikat dengan beberapa peraturan.

"Kami juga mendapat sokongan padu daripada kerajaan dan pemimpin veteran wanita Umno termasuk Tan Sri Aishah Ghani dan Datin Paduka Rahmah Osman yang sentiasa memberi semangat," katanya.

Sementara itu, pada hari pelancaran tidak rasmi yang dijangka 29 April depan, semua pihak yang terbabit termasuk Bank Simpanan Nasional, tukang emas, syarikat komputer dan bank perdagangan akan hadir untuk menandatangani memorandum persefahaman.

(END)